

Amalan 'kokoro'

Jepun patut kita contohi

BM 27 MAY 1983

MARANG, Khamis — Dasar Pandang ke Timur yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai berbagai-bagai cara untuk dilaksanai akan.

Dasar tersebut bukanlah bertujuan menjadikan rakyat Malaysia mengamalkan cara hidup atau bekerja seperti rakyat Jepun sepenuhnya, tetapi mengambil teladan unsur-unsur yang baik dan dapat dilaksanakan di negara ini.

Salah satu konsep yang boleh diteladani ialah semangat 'kokoro' yang menjadi amalan hidup orang-orang Jepun sejak beratus-tahun dulu.

'Kokoro' bermaksud 'naluri untuk hidup' yang menjadi pendorong kuat dan asas kemajuan orang Jepun.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid yang memperkenalkan konsep 'kokoro' ketika melancarkan penubuhan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) Marang

di sini hari ini, berkata jika rakyat Malaysia mengamalkan semangat 'kokoro', tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh maju seperti Jepun.

Datuk Sanusi berkata, melalui semangat 'kokoro', semua orang perlu bekerja kuat untuk hidup dan mencapai kejayaan, dan konsep itu boleh menjadi satu amalan hidup yang berfaedah di bawah Dasar Pandang Ke Timur.

Musuh masyarakat

Katanya, rakyat Malaysia perlu mengikis 'mentaliti subsidi' kerana mereka tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada bantuan dan pertolongan daripada kerajaan atau pihak lain.

Salah satu cara untuk mengikis mentaliti itu ialah menerusi perpaduan dan semangat gotong-royong yang dapat dijayakan melalui Koperasi Pembangunan Daerah.

Datuk Sanusi berkata KPD mengatasi batasan politik, bangsa dan jurang antara yang miskin dengan yang kaya, kerana di ba-

wah konsepnya, perpaduan dan sama rata diutamakan.

KPD juga dapat menghidupkan semula amalan gotong-royong, menyatukan masyarakat dan menghapuskan musuh-musuh masyarakat seperti kejahatan dan kemiskinan.

Datuk Sanusi menyeru semua pihak supaya memberi sokongan kuat kepada KPD kerana kejayaan atau kegagalannya bergantung kepada sejauh mana rakyat menerima dan menyokong konsep itu.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi, Encik Sha'aya Basheer berkata KPD Marang adalah yang keenam ditubuhkan di Semenanjung Malaysia sejak konsepnya diumumkan oleh Datuk Musa Hitam tahun lalu.

KPD lain yang telah ditubuhkan ialah di Sabak Bernam, Kubang Pasu, Sik, Pasir Mas dan Mersing.

Katanya, penubuhan KPD Marang merupakan yang terakhir dalam siri enam buah KPD yang dianggap sebagai pelopor konsep baru dalam bidang koperasi.